

**TEKS UCAPAN NAIB CANCELOR SEMPENA PERTANDINGAN AKHIR DEBAT
PERDANA INTEGRITI 2010,
BERTEMPAT DI DEWAN RESITAL,
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH,
16 MARCH 2010 (SELASA)**

Salutasi

TERIMA KASIH PENERUSI MAJLIS,

YANG BERTHORMAT DATUK SERI MOHAMED KHALED NORDIN,
MENTERI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA

KETUA PENGARAH INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA

YANG BERBAHAGIA DATUK DR. MOHD TAP SALLEH
PRESIDEN INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA

Y. BHG. TAN SRI ABDUL HAMID EGOH,
PENERUSI LEMBAGA PENGARAH UMS

Y. BHG. PROF. MADYA DR. HJ. KASIM HJ. MD MANSUR
TIMBALAN NAIB CANCELOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)

PEGAWAI-PEGAWAI UTAMA UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

DEKAN-DEKAN DAN KETUA-KETUA JABATAN UMS,

YANG DIPERTUA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR DAN BARISAN EXCO MPP,

PARA PESERTA DEBAT

PELAJAR-PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA SABAH,

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI

Assalamualaikum Warrahmatulahi Wabarakatuh dan Salam 1Malaysia.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurnia-Nya kita dapat bersama-sama pada Majlis Pertandingan Akhir Debat Integriti Perdana Institut Pengajian Tinggi 2010.

Saya percaya pertandingan akhir pada pagi ini akan bertambah lagi serinya dengan kehadiran Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri pengajian Tinggi Malaysia. Terima kasih yang terhormat atas kesudian untuk meluangkan masa bersama-sama dengan kami di UMS pada pagi ini.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada kepada Institut Integriti Malaysia (IIM) dan Majlis Debat Universiti-universiti Malaysia (MADUM) kerana memberi peluang dan kepercayaan kepada Universiti Malaysia Sabah (UMS) sebagai penganjur pertandingan Debat Perdana Integriti 2010 tahun ini.

Yang Berhormat Dato' Seri, dan para hadirin sekalian,

Seperti yang kita sedia maklum, Pertandingan Debat Perdana Integriti ini telah diperkenalkan oleh Institut Pengajian Tinggi (IPT) merupakan anjuran Institut Integriti Malaysia (IIM) bersama Majlis Debat Universiti-Universiti Malaysia (MADUM) sejak pada tahun 2005 lagi. Selain menjadi medan untuk menonjolkan kemahiran pengucapan awam atau *communication skill*, ianya juga bertujuan untuk menerapkan nilai-nilai positif serta menerapkan kemahiran insaniah di kalangan mahasiswa dan mahasiswi yang terlibat.

Melalui pertandingan debat ini ianya pasti akan mampu mencungkil bakat-bakat mahasiswa dan mahasiswi terutama dalam menguasai kemahiran berfikir secara kritis, kreatif dan analitikal disamping memperkasa teknik penyampaian hujah-hujah secara rasional. Selain itu, ia membolehkan para peserta responsif terhadap isu-isu semasa yang diperdebatkan sekaligus mengukuhkan sikap integriti di kalangan para pelajar.

Sejajar dengan itu juga, debat mampu menyemai semangat dan budaya membaca di kalangan pelajar agar lebih berpengetahuan dan berinformatif terhadap isu-isu kontemporari sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Selain daripada itu, secara tidak langsung program ini akan mampu memupuk kerjasama dan perpaduan di kalangan mahasiswa khususnya dan seluruh IPT amnya.

Sebagai makluman yang Berhotmat Dato' Seri, Pertandingan Debat Integriti Perdana pada tahun 2010 ini telah disertai oleh 34 Insititut Pengajian Tinggi, termasuk Institut Perguruan Guru Malaysia (IPGM) yang bertanding untuk merebut Piala Pusingan sumbangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Mengikut sejarahnya, pertandingan pertama yang diadakan pada tahun 2005 telah menyaksikan sebanyak 18 pasukan telah menyertai pertandingan ini yang melibatkan seramai 72 orang pendebat. Johan keseluruhan pada pertandingan sulung itu telah dimenangi oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Manakala Naib Johan merupakan pasukan dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Walaupun Pertandingan Debat Perdana Integriti antara Institut Pengajian Tinggi pada ketika itu merupakan buat pertama kalinya diadakan, namun ia telah mampu membuktikan kejayaan yang cukup berkesan kepada Institut Integriti Malaysia, MADUM serta semua universiti yang terlibat.

Pada kali ini, sempena pertandingan untuk edisi yang ke-6, selaku tuan rumah, UMS akan sentiasa memberikan perkhidmatan terbaik bagi melancarkan perjalanan program yang telah bermula sejak 13 March 2010 lalu. Saya sesungguhnya amat mengalu-alukan kehadiran anda semua ke Universiti Malaysia Sabah. Luangkanlah masa anda untuk menikmati keindahan dan keharmonian Sabah, Negeri Di Bawah Bayu.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi bagi pihak seluruh warga UMS mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin kerana sudi bersama-sama kita pada pagi ini sekaligus menyempurnakan Pertandingan Akhir Debat Integriti IPT sebentar sahaja lagi.

Kepada para peserta debat, semoga segala kemahiran yang dimiliki, disemai dan dimanfaatkan melalui arena perdebatan ini akan dimanfaatkan sepenuhnya ke arah pembentukan generasi yang berwawasan, cemerlang, gemilang dan terbilang di masa hadapan.

SEKIAN, WABILLAHITAUFIK WALHIDAYAH

WASSALAMMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.

TERIMA KASIH.